



## BERITA SEMASA JABATAN / BAHAGIAN

### NAMA BAHAGIAN : BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

#### MAJLIS PELANCARAN PELAN STRATEGIK TEKNOLOGI MAKLUMAT 2017-2020

2 OGOS 2018

DEWAN DATO' HAJI ZAHARUDDIN BIN ABU KASSIM, TEMERLOH

YB. ENCIK ABD RAHIM BIN MUDA, AMP., PKC.

PENGERUSI JAWATANKUASA KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN NEGERI PAHANG

Majlis pelancaran Pelan Strategik Teknologi Maklumat ini telah dihadiri dari semua PBT seluruh Negeri Pahang dan Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat SUK Negeri Pahang. Setiap PBT dihadiri oleh Yang Dipertua, Setiausaha, Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai. Majlis Pelancaran ini dirasmikan oleh YB. Encik Abd Rahim Bin Muda selaku Pengetusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Pahang. Pelancaran ini telah diadakan di Dewan Dato' Haji Zaharuddin Bin Abu Kassim, Temerloh.

Pelan Strategik Teknologi Maklumat 2017-2020 adalah bertujuan sebagai garis panduan atau *blueprint* bagi pembangunan serta pelaksanaan program-program ICT PBT dengan lebih sistematis. Pengurusan ICT yang baik dan efektif seterusnya akan meningkatkan produktiviti serta memberi nilai tambah kepada perkhidmatan sedia ada.

Dengan adanya Pelan Strategik Teknologi Maklumat 2017-2020, kesemua PBT dapat merealisasikan perancangan pelaksanaan program-program Teknologi Maklumat (ICT) dan menepati ekspektasi *stakeholders* dan pelanggan. Selain itu juga PBT haruslah sentiasa terbuka untuk menerima sebarang perubahan dan melaksanakan transformasi bagi menjamin sistem penyampaian yang efisien dan efektif.

Seterusnya semua program ICT yang telah dirancang dalam Pelan Strategik Teknologi Maklumat 2017-2020 ini akan dilaksanakan dengan sempurna bagi menyokong Visi dan Misi setiap PBT secara menyeluruh.



